

Headline	Dialog beri sokongan program MyKasih		
MediaTitle	Berita Harian (Johor)		
Date	28 Jun 2014	Color	Full Color
Section	News	Circulation	41,000
Page No	18	Readership	123,000
Language	Malay	ArticleSize	215 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,947
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,840



Dialog beri sokongan program MyKasih

Kota Tinggi: Syarikat minyak dan gas terkemuka, Dialog Group Berhad (Dialog) akan meneruskan tanggungjawab sosial korporatnya bersama Yayasan MyKasih (MyKasih) dalam membantu golongan yang memerlukan.

Pengerusi Eksekutifnya, Tan Sri Ngau Boon Keat, berkata Dialog yang menjadi rakan sokongan kepada yayasan itu sentiasa membuka pintu bagi membantu golongan sasar supaya dapat mengurangkan beban yang ditanggung mereka.

“Dialog sebagai sebuah syarikat minyak dan gas tidak akan melupakan tanggungjawabnya untuk membantu mereka yang dalam kesusahan dan menerusi MyKasih, kami dapat melaksanakannya.

“Pelbagai bantuan sudah disalurkan kepada mereka yang memerlukan dan kami akan teruskan dan memperhebatkan lagi


tanggungjawab murni ini,” katanya.

Beliau yang juga Pengerusi Yayasan MyKasih berkata, yayasan itu sudah membantu lebih 190,000 keluarga kurang berkemampuan di 130 lokasi di seluruh negara, termasuk Sabah dan Sarawak.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika merasmikan hab penyimpanan minyak dan gas, Terminal Bebas Pengerang di Sungai Kapal, Pengerang di sini, memuji usaha Dialog membantu MyKasih dalam menjalankan kerja kebajikan mereka.

Najib berkata, sejak MyKasih ditubuh pada tahun 2009, yayasan itu sudah membantu golongan sasar dengan menyediakan bantuan seperti barangan makanan, pendidikan pengurusan kewangan serta kelas tuisyen.

“Pembabitan Dialog sebagai penderma dan rakan kepada MyKasih adalah satu usaha yang murni,” katanya.



“Dialog sebagai sebuah syarikat minyak dan gas tidak akan melupakan tanggungjawabnya untuk membantu mereka yang dalam kesusahan dan menerusi MyKasih, kami dapat melaksanakannya”

Ngau Boon Keat,
Pengerusi Eksekutif Dialog